



## **KENYATAAN MEDIA**

ISLAMIC RELIEF MALAYSIA  
5 MAC 2018

---

### **DELEGASI KHAS IRM KE COX'S BAZAR**

---

**Bandar Baru Bangi, 5 Mac 2018** – Islamic Relief Malaysia (IRM) terus komited menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya yang berada di Bangladesh.

Baru-baru ini satu delegasi khas terdiri daripada empat kakitangan IRM diketuai oleh Pengurus Bahagian Program Antarabangsa IRM, Nurbazilah Sulaiman telah berlepas ke Cox's Bazar bagi menjalankan misi kemanusiaan di daerah yang padat dengan kem-kem pelarian itu.

Misi selama lima hari itu bermula pada 22-26 Februari bertujuan untuk meninjau perkembangan projek IRM yang dijalankan seperti bantuan tandas, pam air dan juga bantuan musim sejuk disamping untuk mengenalpasti projek lain yang bakal dijalankan.

Menurut Nurbazilah, tiga lokasi yang sempat dilawati ialah Kem Kutupalong, Kem Balukhali dan Kem Hakimpura yang menempatkan kira-kira 52,000 buah keluarga.

“Walaupun terdapat pelbagai organisasi dan NGO telah masuk dan membantu pelarian-pelarian ini, namun melalui pemerhatian kami, masih banyak lagi bantuan yang diperlukan bagi memastikan pelarian-pelarian ini dapat meneruskan kelangsungan hidup.

“Keperluan mendesak ketika ini adalah bekalan air bersih dan kami merancang untuk menambah beberapa lagi projek pam air dengan kedalaman 300-350 meter,” tambah Nurbazilah.

Maklumbalas yang diterima daripada orang tempatan menyatakan bahawa satu unit pam air dapat membekalkan air bersih kepada 120 keluarga. Dalam sehari, setiap keluarga hanya dibenarkan untuk menggunakan pam tersebut sebanyak dua kali.

IRM turut bekerjasama dengan NGO tempatan seperti PULSE Bangladesh dan Nomijan Aftabu Foundation (NAF) bagi melaksanakan projek-projek yang dirancang di Cox's Bazar.

Dalam misi sama, IRM juga berkesempatan untuk melihat projek Kem Perubatan Percuma di bawah tajaan Islamic Relief Worldwide (IRW) dan dikelolakan sepenuhnya oleh PULSE Bangladesh.

Manakala NAF memberi tumpuan khusus untuk bantuan musim sejuk seperti baju sejuk, selimut dan lain-lain.

IRM berterima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang telah menyumbang melalui kempen Rayuan Kecemasan Myanmar. Untuk maklumat lanjut, layari [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi 03-8926 3434.

### **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Sejak 1984, IR telah beroperasi di lebih 45 buah negara di seluruh dunia dan memberi fokus bantuan jangka masa panjang dan pembangunan mampan untuk membantu masyarakat keluar dari kepompong kemiskinan dan bertindak menyelamatkan nyawa semasa krisis kemanusiaan.

Sejak beroperasi di Bangladesh pada tahun 1991, IR telah menyampaikan bantuan kecemasan serta projek pembangunan yang merangkumi tumpuan utama dalam membangunkan komuniti, membantu membangunkan diri dari kemiskinan dan melindungi diri semasa bencana alam. Projek-projek ini termasuklah projek perubahan iklim yang dibiaya oleh Kerajaan UK. Selama 27 tahun yang lalu, IR berdiri teguh di samping rakyat Bangladesh dan menyokong mereka melalui semua bencana utama seperti banjir, siklon dan kemarau.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

**MOBILE APPS | IR Malaysia**

Ir. Hj. Zairulshahfuddin Zainal Abidin  
Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**  
**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W**  
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**  
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)